

PENGKONSEPSIAN MAKNA KATA KERJA DALAM SUBDIALEK KEDAH

(*The Conceptualization of Verb Meanings in the Kedah Subdialect*)

Mashetoh Abd. Mutualib¹ 

mashetoh@uum.edu.my

Hishamudin Isam² 

din@uum.edu.my

Marzalina Mansor³ 

marzalina@uum.edu.my

Yusniza Yaakub⁴

yusniza@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia.^{1,2,3&4}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Mashetoh Abd. Mutualib, Hishamudin Isam, Marzalina Mansor & Yusniza Yaakub. (2024). Pengkonsepsian makna kata kerja dalam subdialek Kedah. *Jurnal Bahasa*, 24(2), 329–354. [https://doi.org/10.37052/jb24\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jb24(2)no6)

| | | | | | | | |
|-----------------------|------------|---------------------|------------|----------------------|------------|---|------------|
| Peroleh: Received: | 25/10/2024 | Semakan: Revised | 14/11/2024 | Terima: Accepted: | 19/11/2024 | Terbit dalam talian: Published online: | 27/11/2024 |
|-----------------------|------------|---------------------|------------|----------------------|------------|---|------------|

Abstrak

Dialek terbentuk disebabkan oleh wujudnya per sempadan ruang geografi kawasan tempat tinggal penutur. Melalui per sempadan inilah wujudnya pelbagai dialek tempatan, seperti dialek Kedah, dialek Pahang, dialek Kelantan dan dialek Terengganu. Begitu juga keadaannya dengan subdialek negeri masing-masing. Kajian yang berkaitan dengan dialek Kedah sering difokuskan oleh sarjana, tetapi tertumpu pada linguistik dan sosiolinguistik. Oleh itu, pengkaji mengenal pasti dan mengkonsepsikan makna kata kerja terpilih, iaitu

“bercerau”, “berceretet”, “berkenjah” dan “berjabu” dalam dialek Kedah (Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan gaya daftar kata yang dikemukakan oleh Asmah Haji Omar (2001). Temu bual dilakukan secara berstruktur dan tidak berstruktur, manakala gaya daftar kata digunakan untuk memaknakan dan mengkonsepsikan kata kerja tersebut terpilih dalam dialek Kedah. Dapatkan menunjukkan bahawa kata kerja terpilih tersebut dikonsepsikan dengan makna yang berbeza-beza berdasarkan pengalaman penutur dan kawasan tempat tinggalnya. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat makna kata kerja yang dikongsi bersama dan menjadi milik eksklusif penutur di kawasan tersebut. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam pendokumentasian khazanah dialek Kedah sebagai dialek yang unik.

Kata kunci: Dialek, dialek Kedah, subdialek Kedah, kata kerja, linguistik Melayu, pengkonsepsian makna

Abstract

The formation of dialects is influenced by the geographical boundaries within which speakers reside. Such boundaries give rise to a variety of local dialects, including the Kedah, Pahang, Kelantan, and Terengganu dialects, as well as distinct subdialects within each region. Existing studies on the Kedah dialect are often focused on linguistic and sociolinguistic dimensions. Accordingly, this paper seeks to identify and conceptualize the meanings of selected verbs namely “bercerau”, “berceretet”, “berkenjah” and “berjabu” in the Kedah dialect, covering Northern, Central, and Southern Kedah. This qualitative research utilizes structured and unstructured interviews alongside a lexical register approach, as outlined by Asmah Haji Omar (2001), to explore and interpret the conceptualize of specific verbs in the Kedah Malay Dialect (KMD) as used by native speakers. Findings indicate that verbs in the Kedah dialect (across Northern, Central, and Southern regions) are conceptualized with nuanced meanings, reflecting the speakers' experiences and their geographical regions. Additionally, the study highlights instances where verb meanings are shared across regions and instances where they are unique to specific areas. This study aims to contribute to the preservation and documentation of the Kedah dialect, underscoring its distinctive linguistic heritage.

Keywords: Dialect, Kedah Malay dialect, Kedah subdialect, verbs, Malay linguistics, meaning conceptualization

PENDAHULUAN

Malaysia sangat terkenal dengan dialek kenegerian masing-masing, terutamanya dialek yang berada di semenanjung. Dialek ini dikenali sebagai dialek geografi atau dialek kawasan. Setiap dialek tersebut tidak seragam sifatnya dan mempunyai ciri dialek tersendiri yang berbeza, sama ada dari aspek fonologi, morfologi, leksikal dan sintaksis. Asmah Haji Omar (2015) menjelaskan bahawa fonologi ialah ciri yang mempunyai kadar perbezaan paling tinggi berbanding dengan aspek lain.

Kajian dialek geografi merupakan suatu disiplin yang menyelidik perbezaan dalam pelbagai dialek dan hubungannya dengan daerah penggunaannya secara sistematik (Farid M. Onn & Ajid Che Kob, 1993). Hal ini bermaksud, dialek geografi atau dialek kawasan merupakan bidang kajian yang memfokuskan variasi bahasa berdasarkan perbezaan tempat di suatu wilayah bahasa. Penutur yang berada di dimensi (kawasan) tersebut dapat memahami variasi bahasa, terutamanya yang berhampiran dengan wilayah tempat tinggalnya.

Penelitian yang berkaitan dengan dialek banyak dilakukan oleh pengkaji tempatan dan pengkaji dari luar wilayah tersebut. Kajian tersebut meliputi aspek linguistik atau aspek bukan linguistik, seperti kajian yang melihat sikap dan jati diri penutur dialek yang dikaji. Sebagai contoh, Ida Ahmad (1969) meneliti aspek fonologi, seperti bunyi vokal, konsonan dan diftong, secara umum. Seterusnya, Ton Ibrahim (1974) membincangkan isu yang berkaitan dengan morfologi dalam dialek Kedah. Ton Ibrahim (1988) pula meneliti kata kerja “gerak” dengan lebih terperinci, tetapi menjurus dalam bidang semantik. Selain itu, Asmah Haji Omar (2015) juga memperkatakan Kedah dari aspek kebudayaan dan menulis buku yang berkaitan dengan dialek Kedah, seperti *Susur galur Bahasa Melayu, Bahasa dan alam pemikiran Melayu dan Bahasa Melayu di Samudera*. Seterusnya, Collins (1996), pengkaji yang tidak asing dalam bidang dialektologi juga meneliti bahasa Orang Laut melalui empat aspek dalam linguistik, iaitu fonologi, morfologi, sintaksis dan kosa kata. Oleh itu, penelitian yang berkaitan dengan dialek Kedah oleh sarjana dilakukan sejak awal lagi dan penerokaannya yang berkaitan dengan dialek Kedah makin rancak sehingga hari ini.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas ini menghimpunkan kajian terdahulu yang pernah dilakukan. Pengkaji membahagikan kajian lepas kepada perbincangan dialek Kedah

secara umum, dialek Kedah dalam aspek linguistik, dan dialek Kedah dalam bidang pragmatik dan sosiolinguistik.

Dialek Kedah Secara Umum

Kajian yang berkaitan dengan dialek Kedah menjadi tumpuan pengkaji tempatan kerana keunikannya. Beraneka fokus kajian diteliti oleh pengkaji tempatan, termasuklah dari aspek fonologi, leksikal dan sintaksis. Shahidi Abdul Hamid (2009), Zuliana Zubir (2014), Zaliza Zubir dan Zuliana Zubir (2014) mengkaji aspek fonologi, manakala Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2011), Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nurulafiqah Suhaimi (2012) dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Norasmira Noordin (2012) mengkaji aspek sintaksis dalam dialek Kedah. Oleh sebab dialek Kedah mempunyai keunikannya, kajian terhadap dialek Kedah makin rancak dilakukan oleh pengkaji tempatan. Secara tidak langsung, hal ini dapat mengekalkan dialek tersebut sebagai warisan linguistik Melayu.

Asmah Haji Omar (2015) menjelaskan bahawa dialek Kedah merupakan kelainan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat setempat bermula dari Perlis hingga Taiping dan dari Pulau Langkawi hingga Padang Terap yang meliputi Pulau Pinang. Muhammad Hassan (2018) menyatakan bahawa kawasan pemerintahan negeri Kedah pada mulanya meliputi negeri Setol di Utara Perlis dan negeri Kedah yang ada sekarang ini dan pulau di baratnya. Oleh itu, tidak hairanlah bahasa Melayu yang dituturkan oleh sebahagian daripada masyarakat Melayu di Utara Thailand seakan-akan sama dengan bahasa Melayu di Kedah. Selain itu, terdapat juga beberapa kawasan, seperti Kuala Nerang, Sik, Baling, Pendang, dan sebahagian daerah Kubang Pasu yang kebanyakannya masyarakatnya bertutur dengan menggunakan loghat Siam atau Patani kerana kawasan tersebut merupakan kawasan peralihan dialek. Saadiah Ma’alip (2014) menjelaskan bahawa peralihan bahasa dipengaruhi oleh perubahan sosial dan budaya dalam masyarakat, manakala Muhamad Khairuddin Hanizat dan Siti Noraini Hamzah (2023) menjelaskan bahawa proses peralihan bahasa yang juga dikenali sebagai perubahan bahasa terjadi ketika masyarakat yang dwibahasa atau multibahasa mengalami perubahan dalam penggunaan bahasa. Proses ini berlaku secara perlahan-lahan dan berterusan dari satu generasi ke satu generasi. Selain dikenali sebagai kawasan peralihan dialek, faktor perpindahan masyarakat Patani ke kawasan tersebut juga mewujudkan kawasan pertembungan dialek, iaitu antara dialek Patani dengan dialek Kedah.

Akibat pertembungan dialek ini, dialek Kedah dikatakan sebagai satu daripada dialek yang kaya dengan kosa kata tempatan. Sebahagian daripada kosa kata tersebut berkongsi persamaannya dengan bahasa Melayu standard, manakala sebahagian lagi mempunyai ciri yang unik dan ada yang berbeza antara satu dengan lain. Asmah Haji Omar (2008) menjelaskan bahawa sarjana linguistik mendapati bahawa terdapat sekurang-kurangnya 85 peratus persamaan dalam kosa kata antara dialek ini. Perbezaan dalam perbendaharaan kata merujuk perbezaan istilah yang digunakan untuk merujuk sesuatu benda atau konsep. Dialek Kedah juga mempunyai beberapa subdialek yang tersendiri, termasuklah subdialek Kedah Persisiran, subdialek Kedah Utara, subdialek Perlis–Pulau Langkawi dan subdialek Pulau Pinang. Oleh itu, Asmah Haji Omar (2015) turut menjelaskan bahawa terdapat beberapa aksen yang mempengaruhi penuturan dalam DMK, seperti aksen Siam. Selain itu, beliau mengklasifikasikan DMK dalam tiga golongan. Pertama, masyarakat Melayu Kedah yang menggunakan bahasa yang sama dengan subdialek Kedah Persisiran. Kedua, masyarakat yang terdiri daripada pendatang dari Patani. Ketiga, masyarakat hasil perkahwinan antara kedua-dua golongan tersebut. Perbezaan dalam golongan ini menyebabkan variasi dalam kosa kata DMK mengikut subdialek atau golongan penutur yang berbeza-beza. Oleh itu, DMK dianggap unik kerana terdapat beberapa subdialek yang melingkarinya yang tidak sama dengan dialek Kedah persisiran. Yusniza Yaakub et al. (2022) menjelaskan bahawa terdapat pengaruh dialek Perak dan dialek Kelantan yang diserap masuk dalam dialek Kedah, terutamanya subdialek Patani-Baling.

Oleh itu, dialek Kedah merupakan dialek yang unik dan kaya dengan kosa kata tempatan. Wujudnya subdialek dan aksen dalam DMK menyumbang variasi perbendaharaan kata yang berbeza-beza mengikut wilayah dan kelompok penutur. Kajian lepas yang berkaitan dengan dialek Kedah dikelompokkan kepada kajian DMK dalam aspek linguistik, dan kajian DMK dalam aspek pragmatik serta sosiolinguistik.

Dialek Kedah dalam Aspek Linguistik

Kajian yang dikelompokkan ini melihat aspek linguistik, seperti fonologi dan leksikal. Antara kajian yang digolongkan dalam kelompok ini termasuklah kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017), Nur Syazwani Abdul Salam dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2019), Darwalis Sazan et al. (2019), Norfazila Ab. Hamid dan Norhasliza

Ramli (2020), Shahidi Abdul Hamid et al. (2020), Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2021), Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021) dan Yusniza Yaakub et al. (2022).

Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017) meneliti varian leksikal “daun kari” dan “daun kesum” dalam dialek Melayu di Langkawi dengan berbantuan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Dalam kajian ini, pengkaji tersebut menggabungkan elemen linguistik dengan faktor bukan linguistik, seperti bentuk muka bumi, persempadanan, migrasi dan sejarah. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti penggunaan varian bagi kedua-dua leksikal tersebut. Dalam kajian tersebut, perbandingan dan penyebaran setiap varian leksikal “daun kari” dan “daun kesum” berjaya dipetakan dengan bantuan teknik kloroplet. Seterusnya, kajian yang menerapkan perisian GIS ini juga berjaya membantu menghuraikan faktor geografi yang mempengaruhi pembentukan dan penyebaran varian leksikal di Langkawi. Dapatkan kajian juga berjaya membuktikan kajian yang dijalankan ialah kajian bersifat saintifik kerana menerapkan pendekatan yang sistematik dan objektif untuk memahami fenomena atau menyelesaikan masalah. Selain itu, dapatkan juga menunjukkan bahawa kawasan mukim Padang Matsirat, Bohor dan Kuah merupakan kawasan asal penutur dialek Melayu Langkawi. Selain itu, Kawasan Ayer Hangat dan Ulu Melaka pula mempunyai penutur dialek Melayu Satun paling ramai, manakala di mukim Kedawang pula, terdapat penduduk yang menuturkan dialek Melayu Patani.

Nur Syazwani Abdul Salam dan Sharifah Raihan Syed Jaafar (2019) juga melakukan kajian yang melibatkan aspek fonologi yang berada pada akhir kata dalam dialek Patani Sik. Kajian tersebut melibatkan 30 orang penutur natif yang berumur antara 45 hingga 75 tahun yang berasal dari Sik, Kedah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa konsonan /r/, /l/, /s/, /m/ dan /h/ tidak dibenarkan hadir pada akhir kata dalam dialek tersebut. Kehadiran konsonan tersebut diganti melalui proses fonologi, seperti peleburan, penggantian, penyisipan dan pengguguran. Seterusnya, aspek fonologi juga diteliti dalam subdialek Kedah dengan menjadikan wayang kulit *Sri Asun* sebagai data kajian. Kajian ini dilakukan oleh Darwalis Sazan et al. (2019) yang menunjukkan bahawa proses fonologi yang berlaku dalam subdialek ini ialah pemanjangan vokal, perendahan vokal, penasalan vokal, penggantian konsonan, perubahan konsonan, pengguguran konsonan, asimilasi nasal, pengglotisan, pendiftongan dan penyisipan. Shahidi Abdul Hamid et al. (2020) pula mengkaji perbezaan akustik bunyi plosif bilabial yang terdapat dalam dialek Kedah menerusi

pendekatan fonetik akustik. Data kajian melibatkan seorang informan perempuan yang merupakan penutur natif dialek Kedah. Informan tersebut diberi senarai kata yang mempunyai kata berplosif dan dirakamkan. Kemudian, data fonetik dianalisis dengan menggunakan kaedah spektografik dengan menggunakan perisian PRAAT. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam dialek Kedah, terdapat beberapa perbezaan nilai Masa Mula Suara (VOT) plosif tidak bersuara pada tengah kata dan plosif tidak bersuara pada awal kata jika dibandingkan dengan bahasa Melayu (BM) standard. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa nilai VOT plosif tidak bersuara pada tengah kata dialek Kedah dan BM standard adalah kecil dan bunyi plosif tidak bersuara pada awal kata dalam kedua-dua varian berkenaan bercirikan penyuaran tertunda singkat atau *Short Voicing Lag* (SVL).

Seterusnya, Norfazila Ab. Hamid dan Norhasliza Ramli (2020) juga melakukan kajian tentang aspek fonetik dalam dialek Melayu Langkawi. Pengkaji tersebut memfokuskan varian Kuah dengan mendeskripsikan sistem fonologinya melalui bunyi vokal, diftong dan konsonan berdasarkan pendekatan struktural. Hasil kajian menunjukkan bahawa varian Kuah mempunyai lapan fonem vokal, tiga diftong dan 20 konsonan yang terdiri daripada konsonan letupan, konsonan letusan, konsonan geseran, konsonan nasal, konsonan sisian dan separuh vokal. Kajian yang berkaitan dengan dialek Melayu diteruskan oleh Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Nur Affika Ahmad (2020) yang mengklasifikasikan dan menganalisis kata kerja bantu dalam dialek Kedah dengan menggunakan program Minimalis berpandukan dua kaedah temu bual, iaitu kaedah bercerita dan kaedah bertanya secara langsung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kata kerja bantu dalam dialek Kedah mempunyai fungsi gramatikal, iaitu menandakan kala kepada kata kerjanya, manakala analisis terhadap kata kerja bantu modal menunjukkan fungsinya yang menandakan kala depan kepada kata kerja sahaja.

Fazal Mohammed Mohamed Sultan et al. (2021) meneliti peta variasi dialek Kedah dengan menggunakan teknologi GIS. Dalam kajian ini, soal selidik dan rakaman diaplakasikan terhadap 892 responden yang melibatkan 135 buah kampung di seluruh daerah di Kedah. Dapatan kajian dapat dibuktikan melalui GIS tentang bentuk muka bumi, seperti bukit, gunung, hutan dan sungai. Oleh itu, didapati bahawa kata “punggung” dan “kerbau” mempunyai pola penggunaan yang khusus atau tersendiri dalam dialek Melayu yang digunakan di Kedah. Malah, faktor bukan bahasa juga menyebabkan kepelbagaiannya leksikal dialek Melayu di Kedah.

Seterusnya, Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021) mengkaji pemerian sistem fonologi dialek Melayu di daerah Baling, Kedah dengan menumpukan pemerian fonem dan analisis beberapa ciri fonologi dengan menggunakan kaedah Teori Linguistik Asas bagi meneliti pemerian fonem. Analisis ciri fonologi pula dilakukan dengan mengaplikasikan kaedah kerangka dialektologi diakronik yang memfokuskan pemerian, perbandingan dan pengelompokan. Dapatkan kajian menunjukkan kewujudan konsonan [y] dan proses fonologi, seperti penyatuhan nasal bahasa Malayik Purba BMP *-am kepada [-an], penyatuhan diftong BMP *-aw dan *-ay kepada [ɔ]. Wujud pengekalan BMP *y pada awal vokal dan di antara vokal, dan penggugurnya pada akhir vokal yang mengubah nilai vokal sebelumnya. Oleh itu, wujud ciri fonologi khas dialek Melayu Baling yang dianggap sebagai dialek yang khusus berbanding dengan hanya dikelompokkan di bawah subdialek Kedah.

Kajian dialek Kedah diteruskan oleh Yusniza Yaakub et al. (2022) melalui ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan pengungkapan darjah penghabisan berdasarkan kategori umur penutur. Kajian yang berbentuk kualitatif ini disepadankan dengan penjelasan kata adjektif yang dikemukakan oleh Nik Safiah Karim et al. (2015). Borang soal selidik diedarkan kepada 10 orang penutur gen Y dan 10 orang penutur *the baby boomers*. Hasil kajian menunjukkan bahawa corak penggunaan ungkapan darjah penghabisan dialek Kedah sangat bervariasi jika dibandingkan dengan bahasa Melayu standard. Hanya 24 jenis kata adjektif yang menunjukkan persamaan antara kedua-dua kelompok ini dan ungkapan darjah penghabisan, iaitu leksikal “piang” begitu luas digunakan oleh gen Y. Seterusnya, leksikal “berdengung” pula digunakan secara meluas oleh kelompok *the baby boomers*. Sebagai rumusan, dapat disimpulkan bahawa ungkapan darjah penghabisan dalam dialek Kedah sangat bervariasi sifatnya berbanding dengan ungkapan penghabisan yang digunakan dalam bahasa Melayu standard.

Dialek Kedah dalam Pragmatik dan Sosiolinguistik

Kajian dialek Kedah yang menghubungkaitkannya dengan pragmatik dan sosiolinguistik pernah dilakukan oleh Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015), Nurul Shahida Jamil et al. (2016), serta Harishon Radzi, et al. (2018). Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusof (2015) melihat deiksos kata panggilan dan ungkapan kata ganti nama diri dalam dialek Kedah, khususnya di daerah Kota Setar dengan menggunakan kerangka deiksos

Huang Yan (2014). Kerangka ini menekankan aspek tempat yang terdapat dalam ruang peserta deiksis dalam peristiwa tutur yang memfokuskan aspek tempat yang terdapat dalam ruang peserta yang terlibat dalam percakapan. Kajian ini menggunakan teknik pemerhatian dan rakaman untuk mengumpulkan data perbualan naratif dan imbas semula tanpa melibatkan perbualan dalam kekeluargaan. Data ujaran yang diperoleh melalui topik perbualan yang berkaitan dengan sesuatu proses akan ditranskripsikan. Dapatkan menunjukkan bahawa dialek Kedah mempunyai ciri khusus yang menunjukkan penanda deiksis perorangan, deiksis sosial dan deiksis reruangan. Pentafsiran makna tersebut tidak menggunakan rujukan yang terdapat dalam kamus, tetapi berdasarkan konteks ujaran antara peserta dengan penutur.

Seterusnya, kajian dilakukan dalam kelompok yang sama dan kawasan yang sama untuk menjelaskan deiksis sosial dalam perbualan antara komuniti kawasan tersebut melalui kata ganti nama diri oleh Nurul Shahida Jamil et al. (2016). Data kajian dikumpulkan melalui teknik pemerhatian dan rakaman perbualan secara spontan dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif berdasarkan kerangka analisis deiksis Huang Yan (2014). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penutur tersebut berperanan sebagai penyumbang seperti yang digambarkan melalui ujarannya. Contohnya, rujukan ganti nama diri “aku” menunjukkan fungsi yang bersifat timbal balik sebagai tingkat formal yang rendah, tetapi mempunyai bentuk keakraban yang tinggi. Rujukan “hang”, iaitu kata ganti nama diri kedua, wujud bersama-sama dalam ruang wacana. Kosa kata yang menunjukkan ganti nama diri ketiga, iaitu “dia”, didapati mempunyai fungsi yang berlainan. Kata “depa” pula merujuk benda sahaja.

Kajian tahap pemahaman penutur di negeri Kedah, khususnya di Pulau Tuba dan Satun juga turut diteliti oleh pengkaji, iaitu Harishon Radzi et al. (2018) dengan menganalisis dan menghuraikan tahap pemahaman leksikal kata kerja yang memfokuskan lokasi, umur, jantina dan tahap pendidikan. Kajian ini bersifat kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik yang dibahagikan kepada bahagian A untuk melihat faktor sosial, manakala bahagian B untuk menganalisis tahap pengukuran pemahaman leksikal terhadap penutur natif kawasan tersebut. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman penutur di Pulau Tuba dan Satun sangat baik walaupun faktor sosiokognitif, terutamanya faktor pendidikan, mempengaruhi informan terhadap dialek Kedah.

Setelah disoroti kajian lepas yang berkaitan dengan dialek Kedah, kebanyakan kajian berkisarkan budaya, fonologi dan morfologi.

Pengkonsepsian dan pembinaan kosa kata dalam subdialek Kedah masih tidak dibincangkan secara terperinci oleh pengkaji sebelum ini. Oleh itu, dalam makalah ini, pengkaji mengenal pasti dan mengkonsepsikan makna kata kerja dalam dialek Kedah (Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan).

METODOLOGI

Kajian dalam bidang dialektologi ini memanfaatkan pendekatan kualitatif kerana bersesuaian dalam pemberian penjelasan yang berkaitan dengan fenomena sosial. Menurut Merriam (2001), penyelidikan kualitatif ialah pendapat yang menghuraikan realiti yang dibina ketika berinteraksi dengan dunia sosial. Menurut Othman Lebar (2015), penyelidikan kualitatif memfokuskan pemahaman makna yang dibina oleh manusia dan cara memberikan makna tentang dunia, serta pengalaman yang diperoleh.

Kawasan Kajian

Kajian ini melibatkan negeri Kedah yang mempunyai 12 daerah. Walau bagaimanapun, pengkaji mengelompokkan daerah tersebut kepada tiga kawasan utama, iaitu kawasan Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan. Kedah Tengah meliputi daerah Langkawi, Kubang Pasu dan Padang Terap. Kedah Tengah meliputi daerah Alor Setar, Pokok Sena, Yan, Kuala Muda dan Pendang. Kedah Selatan meliputi daerah Kulim, Bandar Baharu, Baling dan Sik.

Informan kajian

Jadual 1 Informan berdasarkan jantina.

| Jantina | Umur | Bilangan | | | Jumlah |
|---------|-------|-------------|--------------|---------------|--------|
| | | Kedah Utara | Kedah Tengah | Kedah Selatan | |
| Lelaki | 50–54 | 2 | 2 | 3 | 39 |
| | 55–59 | 3 | 3 | 4 | |
| | 60–64 | 2 | 3 | 2 | |
| | 65–69 | 4 | 1 | 6 | |
| | 70–74 | 1 | 2 | - | |
| | 75–79 | - | - | - | |
| | 80–84 | 1 | - | - | |

sambungan **Jadual 1** Informan berdasarkan jantina.

| Jantina | Umur | Bilangan | | | Jumlah |
|---------------------------|-------|-------------|--------------|---------------|-----------|
| | | Kedah Utara | Kedah Tengah | Kedah Selatan | |
| Perempuan | 50–54 | 3 | 4 | 5 | 41 |
| | 55–59 | 2 | 6 | 3 | |
| | 60–64 | 2 | 2 | 2 | |
| | 65–69 | 2 | 2 | 1 | |
| | 70–74 | 1 | 2 | - | |
| | 75–79 | 2 | - | - | |
| | 80–84 | 2 | - | - | |
| Jumlah Keseluruhan | | 27 | 27 | 26 | 80 |

Jadual 1 menunjukkan informan berdasarkan jantina bagi ketiga-tiga kawasan. Informan lelaki berjumlah 39 orang, manakala informan perempuan berjumlah 41. Semua informan berusia antara 50 tahun hingga 84 tahun. Jadual 2 pula menunjukkan status pendidikan informan.

Jadual 2 Status pendidikan informan.

| Status Pendidikan | Kedah Utara | Kedah Tengah | Kedah Selatan | Jumlah | Peratus (%) |
|---------------------------------|-------------|--------------|---------------|--------|-------------|
| Sekolah rendah/tidak bersekolah | 15 | 5 | 8 | 28 | 35 |
| Sekolah menengah | 10 | 19 | 15 | 44 | 55 |
| Institusi pengajian tinggi | 2 | 3 | 3 | 8 | 10 |

Dengan berdasarkan Jadual 2, 35% informan mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah, 55% informan mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah dan 10% infoman lagi mendapat pendidikan sehingga peringkat institusi pengajian tinggi.

Jadual 3 pula menunjukkan tempoh menetap informan di ketiga-tiga kawasan tersebut, iaitu Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan. Sebanyak 11% informan menetap dalam tempoh 20 tahun, 30% informan menetap dalam tempoh antara 21–40 tahun, dan 41% informan menetap

antara tempoh 41–60 tahun. Seterusnya, 15% informan menetap dalam tempoh antara 61–80 tahun, manakala 3% informan menetap di kawasan berkenaan dalam tempoh antara 81–100 tahun.

Jadual 3 Tempoh menetap informan.

| Tempoh Menetap | Kedah Utara | Kedah Tengah | Kedah Selatan | Jumlah | Peratus (%) |
|----------------|-------------|--------------|---------------|--------|-------------|
| 0–20 | 2 | 8 | 5 | 9 | 11 |
| 21–40 | 5 | 9 | 10 | 24 | 30 |
| 41–60 | 11 | 12 | 10 | 33 | 41 |
| 61–80 | 7 | 4 | 1 | 12 | 15 |
| 81–100 | 2 | - | - | 2 | 3 |

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan dengan menggunakan teknik temu bual dan gaya daftar kata. Teknik temu bual ialah teknik pengumpulan data yang paling biasa digunakan dalam penyelidikan sosial (Cohen et al., 2007). Asmah Hajji Omar (2001) menjelaskan bahawa perbualan yang tidak diatur mempunyai kelebihan yang tersendiri kerana data yang diperoleh ialah data sebenar, bukannya data yang direka-reka. Patton (1980) menyatakan bahawa temu bual dapat disifatkan sebagai medium untuk penyelidik mendekati dunia. Temu bual dilakukan berdasarkan borang soal selidik yang dibina yang meliputi dua bahagian, iaitu bahagian A untuk mendapatkan maklumat demografi dan bahagian B yang dihasilkan berdasarkan senarai daftar kata yang telah dibina. Senarai daftar kata dibina berdasarkan dua kaedah. Pertama, menemu bual penutur natif untuk mendapatkan leksikal dialek Kedah, seterusnya menyemak glosari dialek Kedah. Kedua, menyenaraikan kosa kata tersebut dan melakukan temu bual. Pada peringkat pertama, temu bual dilakukan secara tidak formal untuk menjalankan hubungan mesra antara pengkaji dengan informan. Pada peringkat ini, tidak ada penggunaan alat rakaman. Perbualan ini menggunakan strategi yang disarankan oleh Idris Aman (1995), iaitu pengkaji bertanya soalan untuk merapatkan hubungan antara penyelidik dengan informan. Contohnya, soalan tentang keadaan tempat, tempoh menetap dan lain-lain yang dapat mempererat jalinan antara kedua-duanya. Selain itu, perbualan ini membantu membentuk kebiasaan dan keakraban ketika temu bual berlangsung. Jenis temu bual ini dikenali sebagai temu bual bebas (*conversations interviews*) (Patton, 1980) dan temu bual berstruktur (*conversation with a purpose*) (Marshall & Rossman, 1989).

Setelah pengkaji dan informan saling menyesuaikan diri dan terjalin hubungan yang baik, pengkaji menggunakan temu bual peringkat kedua. Peringkat kedua melibatkan daftar kata yang dibina oleh pengkaji. Dalam perbualan ini, pengkaji melakukan pertanyaan terancang berdasarkan daftar kata yang disusun sebelumnya. Daftar kata ini dimanfaatkan untuk menguji aspek leksikal. Informan diminta untuk menyebut beberapa senarai kata yang dipilih berdasarkan dialek Kedah. Kemudian, informan memberikan makna atau definisi berdasarkan kosa kata tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji hanya membincangkan kata kerja yang mempunyai kekerapan tertinggi berdasarkan pemerian makna oleh penutur. Kata kerja yang dipilih ialah kata **bercerau, berceretet, berjabu** dan **berkenjah**.

Tatacara Analisis Data

Kajian ini dilakukan secara berfasa yang dimulakan dengan peringkat pemilihan data. Proses dimulakan dengan pencerakinan data bagi setiap kata kerja yang dianalisis berdasarkan perincian makna dan kawasan yang meliputi Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan. Setiap kata kerja terpilih ini juga dikelaskan berdasarkan perbandingan maklumat antara jantina, iaitu antara lelaki dengan perempuan. Semua fasa ini diperlukan untuk mencapai objektif pertama. Fasa seterusnya ialah fasa pengkonsepsian satu contoh kata kerja terpilih berdasarkan pencirian makna. Analisis dilakukan menerusi penelitian perbandingan penggunaan makna berdasarkan kawasan kajian dan jantina. Hasil pengelompokan jenis persamaan dan perbezaan akhirnya memperlihatkan suatu gambaran konsep makna bagi satu contoh kata kerja tersebut untuk mencapai objektif kedua.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis ini berdasarkan dua objektif kajian, iaitu mengenal pasti dan mengkonsepsikan makna kata kerja dalam dialek Kedah (Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan).

Pengenalpastian Makna Kata Kerja dalam Dialek Kedah (Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan)

Hasil analisis pengenalpastian makna empat kata kerja terpilih dalam dialek Kedah (Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan) berdasarkan temu bual dengan informan lelaki dan perempuan dipaparkan dalam Jadual 4 dan Jadual 5, masing-masing.

Jadual 4 Perincian makna kata kerja “bercerau”, “berceretet”, “berkenjah” dan “berjabu” bagi informan lelaki.

| Bil. | Kata Kerja | Lelaki | | |
|------|------------|---|---|---|
| | | Kedah Tengah | Kedah Utara | Kedah Selatan |
| 1. | Bercerau | <ul style="list-style-type: none"> • Cuak • Takut • Berpeluh • Berpeluh disebabkan oleh keadaan yang panas • Membasahi • Panas dan berpeluh • Berselerak • Seseorang yang berpeluh dengan banyaknya • Peluh menitik • Meramu/banyak | <ul style="list-style-type: none"> • Banyak • Takut • Peluh • Air liur menitik • Peluh panas • Bekas jatuh pecah • Hujan turun | <ul style="list-style-type: none"> • Keluar dengan banyaknya |
| 2. | Berceretet | <ul style="list-style-type: none"> • Bilangan sesuatu yang banyak • Banyak • Banyak dan tersusun • Beratur atau keadaan yang ramai orang • Tidak tersusun atau teratur • Tersusun • Berderetan • Ramai | <ul style="list-style-type: none"> • Tanam berdekatan/kerap • Banyak | <ul style="list-style-type: none"> • Banyak |
| 3. | Berkenjah | <ul style="list-style-type: none"> • Bagi selerak barang • Berseeah • Memunggah barang • Menyemakkan barang dalam keadaan yang rakus • Sering dikaitkan dengan perbuatan haiwan, seperti anjing yang suka sampah • Berkacamuk • Terabur | <ul style="list-style-type: none"> • Keadaan berselerak • Buat seeah • Sepah • Bagi selerak • Buat semak • Selerak | <ul style="list-style-type: none"> • Selerakkan |

sambungan **Jadual 4** Perincian makna kata kerja “bercerau”, “berceretet”, “berkenjah” dan “berjabu” bagi informan lelaki.

| Bil. | Kata Kerja | Lelaki | | |
|------|------------|--|---|--|
| | | Kedah Tengah | Kedah Utara | Kedah Selatan |
| 4. | Berjabu | <ul style="list-style-type: none"> • Cakap atau sesuatu yang laju • Bercakap dalam keadaan yang laju • Laju • Percakapan yang laju • Percakapan yang terlalu banyak sehingga gagal difahami oleh individu lain • Lintang-pukang • Banyak • Kabus | <ul style="list-style-type: none"> • Cakap banyak • Tunggu lama • Terlampau laju lebih had | <ul style="list-style-type: none"> • Banyak |

Jadual 5 Perincian makna kata kerja “bercerau”, “berceretet”, “berkenjah” dan “berjabu” bagi informan perempuan.

| Bil. | Kata Kerja | Perempuan | | |
|------|------------|---|---|--|
| | | Kedah Tengah | Kedah Utara | Kedah Selatan |
| 1. | Bercerau | <ul style="list-style-type: none"> • Berpeluh yang melampau • Terperanjat • Seseorang yang berpeluh dengan banyaknya • Panas sehingga berpeluh teruk • Berpeluh • Basah • Peluh meleleh akibat cuaca panas • Meleleh peluh yang banyak • Meleleh • Terkejut | <ul style="list-style-type: none"> • Peluh bersimbah • Peluh melampau • Peluh banyak • Bekas jatuh pecah • Peluh • Peluh panas • Hujan turun • Waktu hujan turun • Jatuh pecah • Mandi peluh • Menitis-nitis | <ul style="list-style-type: none"> • Seolah-olah meremang • Keluar dengan banyaknya • Berpeluh |

sambungan Jadual 5 Perincian makna kata kerja “bercerau”, “berceretet”, “berkenjah” dan “berjabu” bagi informan perempuan.

| Bil. | Kata Kerja | Perempuan | | |
|-------------|-------------------|---|--|---|
| | | Kedah Tengah | Kedah Utara | Kedah Selatan |
| 2. | Berceretet | <ul style="list-style-type: none"> • Banyak dan tersusun • Banyak • Ramai • Penuh • Bilangan sesuatu yang banyak • Bersusun-susun • Berduyun-duyun • Berderet | <ul style="list-style-type: none"> • Banyak | <ul style="list-style-type: none"> • Banyak |
| 3. | Berkenjah | <ul style="list-style-type: none"> • Punggah • Bertaburan • Bersepah • Sering dikaitkan dengan perbuatan haiwan, seperti anjing yang suka sampah • Sepahkan Xbarang • Perbuatan pelik • Menyelerakkan barang atau memunggah • Terabur • Semak • Selerak | <ul style="list-style-type: none"> • Keadaan berselerak • Bersepah • Punggah • Sepah • Terabur • Memunggah | <ul style="list-style-type: none"> • Punggah • Selerakkan |
| 4. | Berjabu | <ul style="list-style-type: none"> • Percakapan yang tidak berhenti sehingga sukar difahami • Cakap laju • Percakapan yang terlalu banyak sehingga gagal difahami oleh individu lain | <ul style="list-style-type: none"> • Cakap banyak • Banyak • Tunggu lama • Mengeluarkan kata tanpa henti | <ul style="list-style-type: none"> • Banyak |

Dengan berdasarkan Jadual 4 dan Jadual 5, gambaran makna bagi keempat-empat kata kerja yang dianalisis adalah sangat rencam. Sebagai contoh, kata **bercerau** memiliki sekurang-kurangnya 18 makna yang difahami oleh penutur di ketiga-tiga kawasan. Penutur lelaki di kawasan Kedah Tengah menyumbang perincian makna **bercerau** yang paling banyak, iaitu **cuak, takut, berpeluh, berpeluh disebabkan oleh keadaan yang panas, membasahi, panas dan berpeluh, berselerak, seseorang yang berpeluh dengan banyaknya, peluh menitik dan meramu/banyak**. Makna ini ada yang dikongsi persamaannya dengan dapatkan daripada penutur di kawasan ini. Misalnya, makna **keluar dengan banyak (yang tidak semestinya peluh)** dapat ditemukan di ketiga-tiga kawasan yang melibatkan kedua-dua jantina. Yang menariknya, terdapat satu makna yang hanya ditemukan di kawasan Kedah Tengah yang digunakan oleh penutur perempuan, iaitu makna **terkejut**, dan dapatkan ini boleh dianggap sebagai dapatkan baharu.

Sementara itu, bagi kata **berceretet**, makna **banyak** dikongsi oleh informan lelaki dan perempuan di tiga-tiga kawasan. Penutur lelaki di kawasan Kedah Tengah didapati menyumbang makna terbanyak bagi kata **berceretet** dengan perincian makna **bilangan sesuatu yang banyak, banyak, banyak dan tersusun, beratur atau keadaan yang ramai orang, tidak tersusun atau teratur, tersusun, berderetan dan ramai**. Kajian ini mendapati bahawa terdapat makna yang saling berlawanan bagi kata **berceretet** kerana ada penutur yang menggunakan untuk memerikan **sesuatu yang bersusun** dan ada juga penutur yang menggunakan kata tersebut untuk memerikan **sesuatu yang tidak bersusun**.

Bagi kata **berkenjah**, penutur lelaki dan perempuan di kawasan Kedah Utara berkongsi jumlah makna yang hampir sama, Antara perincian makna yang dicatatkan termasuklah **bagi selerak barang, bersepah, memunggah barang, menyemakkan barang dalam keadaan yang rakus, sering dikaitkan dengan perbuatan haiwan seperti anjing yang suka sampah, berkecamuk dan berabur**. Penutur lelaki dan perempuan di kawasan Kedah Selatan pula hanya menyumbangkan satu dan dua makna sahaja, masing-masing, iaitu makna utama yang dikongsi bersama dengan penutur dari dua kawasan lain, iaitu makna **berselerak** dan **punggah**.

Seterusnya, bagi kata **berjabu**, penutur di kawasan Kedah Tengah memberikan makna yang lebih rencam. Antaranya termasuklah **laju, bercakap dalam keadaan yang laju, percakapan yang laju, percakapan yang terlalu banyak sehingga gagal difahami oleh individu lain**,

lintang-pukang, banyak, tunggu lama dan **kabus**. Namun begitu, apabila merujuk makna bagi kata kerja tersebut, pengkaji mendapati bahawa hanya satu makna yang dikongsi bersama oleh penutur di ketiga-tiga kawasan, iaitu makna banyak. Penutur di kawasan Kedah Utara pula didapati telah memaknakan **berjabu** sebagai **tunggu lama**. Penutur di kawasan Kedah Selatan bagi kedua-dua jantina kekal menyumbangkan makna yang paling sedikit. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa keadaan ini sedikit sebanyak menggambarkan pengetahuannya mengenai kerencaman makna **berjabu** walaupun agak terhad.

Sebagai rumusan awal, dapat disimpulkan bahawa perincian makna kata kerja **bercerau, berceretet, berkenjah** dan **berjabu** memberikan kepelbagaian makna menurut perspektif penutur di kawasan yang didiami. Ada makna yang dikongsi bersama-sama dan ada makna yang eksklusif di kawasan tertentu. Makna yang dikongsi bersama-sama secara tidak langsung ialah makna standard bagi penutur dialek Kedah, manakala makna eksklusif ialah makna yang penggunaannya terhad dalam lingkungan tempat/kawasan kediaman sahaja.

Contoh Pengkonsepsian Kata Kerja dalam Dialek Kedah (Kedah Utara, Kedah Tengah dan Kedah Selatan)

Dalam makalah ini, hanya kata kerja **bercerau** yang dipaparkan kerana kata kerja ini mempunyai kepelbagaian makna dan digunakan oleh seluruh penutur dialek Kedah di semua kawasan berbanding dengan kata kerja **berceretet, berkenjah** dan **berjabu** (lihat Jadual 4 dan Jadual 5). Hasil analisis pengkonsepsian bagi kata kerja **bercerau** ditunjukkan dalam Jadual 6.

Dengan berdasarkan Jadual 6 didapati bahawa penutur dialek Kedah di ketiga-tiga kawasan berkongsi makna yang sama, sama ada bagi informan lelaki atau perempuan, bagi makna **peluh melampau** dan **peluh bersimbah**. Secara tidak langsung, dapat dijelaskan bahawa makna tersebut didapati sebagai makna standard yang diakui bersama dalam kalangan penutur dialek Kedah. Bagi informan lelaki, makna **berpeluh** bagi kata kerja **bercerau** dikongsi bersama. Walau bagaimanapun, makna tersebut langsung tidak digunakan atau dijelaskan oleh informan perempuan bagi ketiga-tiga kawasan. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa keadaan ini berlaku disebabkan oleh faktor kelakuan fizikal bagi lelaki yang lebih kerap berpeluh apabila beraktiviti. Dapatkan ini bertepatan dengan pendapat Asmah Haji Omar (2015) yang menjelaskan bahawa

batas kawasan dan subkawasan dialek, ada kalanya sama dengan kawasan pentadbiran dan ada kalanya tidak, disebabkan oleh pelbagai faktor.

Jadual 6 Pengkonsepsian makna kata kerja “bercerau”.

| Bil. | Jantina | | | Lelaki | | | Perempuan | | |
|------|----------------------------------|-------------|--------------|---------------|-------------|--------------|---------------|---|--|
| | Makna | Kedah Utara | Kedah Tengah | Kedah Selatan | Kedah Utara | Kedah Tengah | Kedah Selatan | | |
| 1. | Cuak | | / | | | | | | |
| 2. | Takut | / | / | | | | | | |
| 3. | Berpeluh | / | / | / | | | | | |
| 4. | Membasahi | | / | | | | / | | |
| 5. | Panas dan berpeluh | | / | | | | / | | |
| 6. | Berselerak | | / | | | | | | |
| 7. | Peluh melampau | / | / | / | / | / | / | / | |
| 8. | Peluh bersimbah | / | / | / | / | / | / | / | |
| 9. | Meramu/banyak | | / | | | | / | | |
| 10. | Peluh menitik/menitis-nitis | / | | | | | / | | |
| 11. | Bekas jatuh pecah | / | | | | | / | | |
| 12. | Hujan turun | | | | | | / | | |
| 13. | Waktu hujan turun | | | | | | / | | |
| 14. | Air liur menitik | / | | | | | | | |
| 15. | Terperanjat | | | | | | / | | |
| 16. | Terkejut | | | | | | / | | |
| 17. | Meremang | | | | | | | / | |
| 18. | Peluh meleleh akibat cuaca panas | | | | | | / | | |
| 19. | Meleleh | | | | | | / | | |

Selain itu, hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat makna yang hanya ada di satu-satu kawasan. Misalnya, makna **cuak** (lelaki Kedah Tengah), **air liur menitik** (lelaki kedah Utara), **terperanjat** (perempuan Kedah Utara), **terkejut** (perempuan Kedah Tengah), **meremang** (perempuan Kedah Selatan), **peluh meleleh akibat cuaca panas** (perempuan Kedah Utara) dan **meleleh** (perempuan Kedah Utara). Hal ini menunjukkan bahawa dapatan sebegini merupakan makna eksklusif di tempat tersebut.

Seterusnya, menerusi Jadual 6 didapati menunjukkan bahawa penutur perempuan lebih teliti dan kreatif dalam pemanipulasian penggunaan sesuatu kata yang mempengaruhi maknanya. Sebagai contoh, penutur perempuan di ketiga-tiga kawasan bukan sahaja memfokuskan makna **bercerau** secara tersurat, malah begitu teliti dan kreatif apabila menjelaskan faktor **bercerau** dan kesan daripada **bercerau**. Faktor **bercerau** dijelaskan sebagai **peluh meleleh disebabkan oleh cuaca panas** (makna 17, kawasan Kedah Utara), manakala kesan daripada **bercerau** pula digambarkan sebagai **terperanjat** (perempuan Kedah Utara), **terkejut** (perempuan Kedah Tengah) dan **meremang** (perempuan Kedah Selatan). Bagi penutur lelaki, terdapat data yang mengesahkan makna yang berkaitan dengan kesan **bercerau**, tetapi kategori kesan tersebut mencerminkan kategori yang berlainan (**cuak** dan **takut**). Dapatkan ini menggambarkan bahawa penutur perempuan bukan sahaja memaknakan sesuatu kata berdasarkan konsep fizikal semata-mata, tetapi teliti dan kreatif apabila memanipulasikan penggunaan kata sehingga dapat menggambarkan emosi yang terkandung dalam makna yang didukung oleh kata tersebut. Dapatkan ini juga menyokong pendapat Frijda (2007) yang menjelaskan ekspresi emosi sesuatu kata. Kebiasaannya, emosi dalam lingkungan pengaruh prosodi pejorasi dapat mengundang tindak balas luar kawalan.

Makna **bercerau** dalam Jadual 6 dapat dikelaskan berdasarkan kelompok atau kategori yang sama yang dapat menggambarkan pengkonsepsian makna kata tersebut dengan lebih jelas. Pengelompokan makna **bercerau** ini dapat dilihat dalam Jadual 7 berserta penjelasannya.

Jadual 7 Pengelompokan makna kata “bercerau”.

| Kelompok Makna | Makna | Penjelasan |
|---------------------|--|---|
| Sesuatu yang keluar | <ul style="list-style-type: none"> • Berpeluh • Hujan turun • Waktu hujan turun • Air liur menitik | Menggambarkan sesuatu yang keluar ketika proses bercerau berlaku. Sesuatu yang keluar ialah sesuatu yang bersifat cecair, seperti peluh, air dan air liur |
| Keadaan | <ul style="list-style-type: none"> • Meramu/banyak • Berselerak • Membasahi • Meleleh • Peluh melampau • Peluh bersimbah • Peluh menitik/menitis-nitis • Bekas jatuh pecah | Menggambarkan keadaaan ketika sesuatu yang bercerau keluar. Ada keadaan yang digambarkan sebagai keadaan biasa, seperti keluar dengan banyaknya atau menitik/menitis, dan ada juga keadaan yang digambarkan secara hiperbola, seperti berselerak, membasahi, melampau, bersimbah dan jatuh pecah (gambaran keadaan keluar yang terlalu banyak) |
| Kesan | <ul style="list-style-type: none"> • Cuak • Takut • Terperanjat • Terkejut • Meremang | Menggambarkan kesan daripada proses bercerau yang berlaku yang ditandai dengan kata adjektif. |
| Faktor | <ul style="list-style-type: none"> • Peluh meleleh akibat cuaca panas • Panas dan berpeluh | Menggambarkan faktor yang menyebabkan berlakunya proses bercerau yang dikatakan berpunca daripada cuaca panas |

Kelompok makna pertama dalam Jadual 6 ialah sesuatu yang keluar, iaitu **berpeluh**, **hujan turun**, **waktu hujan turun** dan **air liur menitik** yang menggambarkan sesuatu yang keluar ketika proses **bercerau** berlaku. Dengan berdasarkan data yang diberikan, sesuatu (benda) yang keluar itu bersifat cecair, seperti peluh, air hujan dan air liur. Kelompok makna kedua pula menunjukkan keadaan **bercerau**, seperti **meramu/banyak**, **berselerak**, **membasahi**, **meleleh**, **peluh melampau**, **peluh bersimbah**, **peluh menitik/menitis-nitis** dan **bekas jatuh pecah**. Keadaan (sesuatu/benda) bercerau menggambarkan cara atau kaedah keluar. Menerusi data yang diberikan, pengkaji mendapati bahawa ada dua jenis keadaan. Pertama, keadaan biasa, seperti keluar dengan banyaknya, menitik/menitis. Kedua, keadaan secara hiperbola, seperti berselerak, membasahi, melampau, bersimbah dan jatuh pecah.

Seterusnya, makna kata kerja **bercerau** juga dikelompokkan sebagai memberikan kesan terhadap kata kerja tersebut. Contohnya, kesan daripada

bercerau, penutur akan berasa **cuak, takut, terperanjat, terkejut** dan **meremang**. Jika dilihat makna tersebut, semuanya menunjukkan kata adjektif, iaitu keadaan yang menggambarkan kesan daripada proses **bercerau**. Makna terakhir yang dikelompokkan ialah faktor penyebab berlakunya proses **bercerau**. Faktor tersebut disebabkan oleh cuaca yang panas sehingga menyebabkan berlakunya proses **bercerau**. Pengkaji mendapati bahawa makna kata kerja **bercerau** dapat dikelompokkan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1 Pengelompokan makna “bercerau”.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dialek Kedah ialah dialek yang begitu unik untuk dikaji, bukan sahaja dari aspek fonologi yang sering menjadi tumpuan pengkaji dialek, bahkan dari aspek morfologi, terutamanya kata yang memberikan pelbagai makna dalam pelbagai situasi atau konteks makna tersebut diujarkan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai makna dalam kata kerja, terutamanya bagi negeri yang kaya dengan kosa kata dialek, seperti dialek Kedah. Yang menariknya, ada makna yang dikongsi bersama dengan penutur di kawasan lain dan ada juga yang menjadi hak eksklusif penutur di kawasan tertentu.

Selain dapat mengenal pasti kepelbagaiannya melalui kata kerja, pengelompokan makna yang berkaitan dengan sesuatu kata kerja juga

dapat dijelaskan prosesnya, seperti kata kerja **bercerau** yang telah ditunjukkan. Walau bagaimanapun, tidak semua kata kerja dalam dialek Kedah mempunyai kepelbagaiannya makna dan dapat dikelompokkan maknanya kerana ada yang mempunyai satu atau dua makna sahaja. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang berkaitan dengan pengkonsepsian makna kata kerja dalam dialek Kedah selain melihat dialek Kedah sebagai elemen budaya yang harus dipelihara dan didokumentasikan kerana mencerminkan sejarah, identiti, dan nilai masyarakat Kedah yang unik.

PENGHARGAAN

Artikel ini sebahagian daripada perbincangan daripada hasil penyelidikan yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MoHE) melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) dengan kod rujukan FRGS/1/2019/SSI01/UUM/02/2.

SUMBANGAN PENGARANG

Mashetoh Abd. Mutualib: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan; Hishamudin Isam: Pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir, semakan; Marzalina Mansor: Analisis statistik, semakan; Yusniza Yaakub: Penginterpretasian hasil, semakan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*. Routhledge.
- Collins, J. T. (1996). *Dialek ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Darwalis Sazan, Md Zahril Nizam Md. Yusoff & Noriah Mohamed. (2019). Analisis fonologi subdialek Kedah Kunluang dalam wayang kulit *Seri Asun*. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 169–198.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. (1993). *Simposium dialek: Penyelidikan dan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. (2012). Kata tanya mana dalam dialek Pulau Pinang dalam Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 87–103.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nur Affika Ahmad. (2020). Kata kerja bantu dalam dialek Melayu Kedah: Satu analisis Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 20(1), 79–108. [https://doi.org/10.37052/jb.20\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb.20(1)no4)
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Nurulafiqah Suhaimi. (2012). Kata soal dalam dialek Kedah. *Journal of Language Studies*, 12(2), 475–493.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi. (2011). Kata soal bila dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. *Journal of Language Studies*, 11(1), 69–80.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Lam Kuok Choy, Al-Amril Othman & Amir Imran Jamil. (2021). Warisan tak ketara Kedah: Kajian GIS dialek Melayu Kedah. *Journal of Education and Social Sciences*, 18(1), 5–14.
- Frijda, N. H. (2007). *The laws of emotion*. Lawrence Erlbaum.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Hayati Lateh & Anati Hamidah Arifin. (2018). Tahap pemahaman leksikal kata kerja dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*, 17(10), 74–91.
- Huang Yan. (2014). *Pragmatics* (ed. ke-2). Oxford University Press.
- Ida Ahmad. (1969). Fonologi bahasa Kedah. *Jurnal Dewan Bahasa*, 13(12), 531–537.
- Idris Aman. (1995). Kelainan sosial bahasa Melayu di Shah Alam: Suatu dialektologi sosial bandar [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Marshall, C., & Rossman, G. B. (1989). *Designing qualitative research*. Josey-Bass Inc.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study application in education*. Jossey-Bass Pub.
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani. (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 193–216.
- Muhamad Khairudin Hanizat & Siti Noraini Hamzah. (2023). Peralihan bahasa di Kuala Selangor. *Jurnal Bahasa*, 7(4), 1–29.
- Muhammad Hassan Dato' Kerani Muhammad Arshad. (2018). *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis geolinguistik. *Gema Online Journal of Language Studies*, 17(4) 159–178.
- Norfazila Ab Hamid & Norhasliza Ramlie. (2020). Kajian fonetik varian Kuah: Dialek Melayu Langkawi. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 2(2), 52–66.
- Nur Syazwani Abdul Salam & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2019). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek Petani Sik. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(1), 316–343.
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis deiksis dalam dialek Kedah. *Gema Online Journal of Language Studies*, 15(1), 163–187.
- Nurul Shahida Jamil, Maslida Yusof & Karim Harun. (2016). *Dieksis sosial dalam interaksi masyarakat Melayu Kedah*. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(11), 44–61.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan kualitatif. Pengenalan kepada teori dan metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan bahasa: Proses peralihan bahasa masyarakat orang asli Che Wong. *Jurnal Melayu*, 12(1), 32–43.
- Patton, M. Q. (1980). *Qualitative evaluation methods*. Sage Publication.
- Shahidi Abdul Hamid (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 302–325.
- Shahidi Abdul Hamid, Ain Atiqah Latiff, Muhammad Syahmi Syabri, Muhamad Faiz Fauzi & Riduan Makhtar. (2020). Penelitian akustik dialek Kedah. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember*, 577–594.
- Ton Ibrahim. (1974). Morfologi dialek Kedah [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Ton Ibrahim. (1988). Kata kerja gerak dalam dialek Kedah. Analisis kompenan semantik [Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Yusniza Yaakub, Hishamudin Isam & Faizah Ahmad. (2022). Ungkapan darjah penghabisan dalam kalangan penutur dialek Kedah berdasarkan kategori umur. *Journal of Human Development and Communication*, 11(1), 95–105.

- Zaliza Zubir & Zulaina Zubir. (2014). Pengaruh budaya yang mempengaruhi wujudnya perbezaan penggunaan dialek di kawasan Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 93–113.
- Zuliana Zubir. (2014). Perbandingan antara fonologi dan leksikal dialek utara dengan dialek Charok Kudong di Kedah, Malaysia [Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.